

Tak jejas operasi Johor Port

Penurunan harga minyak sawit mentah (MSM) tidak menjelaskan operasi Pelabuhan Johor (Johor Port) yang berperanan sebagai terminal penyimpanan minyak sawit terbesar dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif Johor Port, Shahrull Allam Shah Abdul Halim berkata, syarikat itu tidak mengalami masalah berhubung situasi itu.

"Kita ada kemudahan menyimpan lebih kurang 500,000 tan metrik minyak yang menjadikan kita terminal minyak sawit terbesar di dunia. Apabila berlaku penurunan harga minyak ini, setakat ini kami lihat tiada impak besar," katanya pada Program Jom Ke Sekolah 2019 di Pelabuhan Johor, Pasir Gudang di sini, semalam.

Program itu



SHAHRULL Allam

disempurnakan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim.

Pada program itu, seramai 100 pelajar kurang berkemampuan dari Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih, Pasir Gudang, Persatuan Kebajikan Al Zarafee Negeri Johor dan anak kepada kakitangan Johor Port menerima bantuan kewangan dan peralatan persekolahan bernilai RM150 setiap seorang.